

23 JAN 2003

Shahidan-Mesir

BANTUAN KEPADA PERSATUAN ANAK NEGERI TIDAK BERDAFTAR DIHENTIKAN

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

KAHERAH, 23 Jan (Bernama) -- Persatuan-persatuan anak negeri pelajar Malaysia di Mesir tidak akan menerima bantuan daripada Yayasan Ikhtisas Malaysia selagi mereka enggan berdaftar dengan kedutaan Malaysia di sini.

Pengerusi yayasan itu Datuk Seri Shahidan Kassim berkata pada Rabu bahawa beliau telah memaklumkan perkara itu kepada semua Menteri Besar.

"Kita minta semua persatuan anak negeri berdaftar. Setakat ini, hanya tiga persatuan anak negeri telah berbuat demikian iaitu Melaka, Sabah dan Sarawak," kata Shahidan yang juga Menteri Besar Perlis kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan kerja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Mesir yang berakhir Khamis.

Persatuan anak negeri lain dikatakan bergabung di bawah Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM) yang menjalankan aktiviti anti kerajaan.

Menyentuh persatuan anak negeri Perlis yang belum berdaftar dengan kedutaan, Shahidan berkata beliau kesal kerana persatuan itu menganggap PMRAM adalah "lebih besar" daripada kedutaan.

Menurutnya kerajaan Perlis telah menghentikan bantuan zakat kepada para pelajar dari negeri itu yang enggan berdaftar dengan pihak kedutaan.

Bantuan itu akan disambung semula setelah mereka berdaftar, katanya.

Shahidan berkata jika persatuan anak negeri berdaftar, kedutaan boleh menjaga kebajikan mereka selain dapat mengetahui bilangan pelajar yang tepat.

Selain itu, beliau berkata Menteri-menteri Besar bercadang mengadakan lawatan bersama ke Mesir bagi memastikan pelajar di sini belajar bersungguh-sungguh seperti yang diharapkan oleh Dr Mahathir.

Dalam perkembangan lain, Shahidan berkata Perlis akan menganjurkan Persidangan Ulama Antarabangsa pada Mac ini bagi mengupas isu ulama pewaris nabi.

Katanya persidangan itu bertujuan menjadi medan pertarungan keilmuan dan bukan untuk mencari pengaruh.

Beliau berkata Sheikh Al Azhar, Dr Mohammad Sayed Tantawi telah menyatakan persetujuan untuk menghadiri perjumpaan itu sewaktu dijemput sendiri oleh Pemangku Raja Perlis.

-- BERNAMA

MAM MAM LAT